

**Pertemuan Kak Wan, Siti Hasmah penuh air mata, gelak tawa**  
**Free Malaysia Today**  
**Nov 5, 2016**  
**Nawar Firdaws**

**Khairuddin berkata, isteri kedua-dua pemimpin itu tidak membiarkan peristiwa silam menjadi penghalang mereka.**

PETALING JAYA: Pertemuan antara Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali bertukar menjadi sesi ikatan yang dipenuhi tangisan dan gelak tawa, semalam.

Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan yang bertanggungjawab mengatur perjumpaan itu, turut tersentuh melihat kedua-dua wanita itu memeluk satu sama lain, setibanya isteri Tun Dr Mahathir Mohamad di rumah presiden PKR itu di Segambut, untuk pertemuan selama 1 jam 45 minit.

“Ya, perbualan mereka menyentuh mengenai Anwar, tetapi sentiasa positif. Ia adalah detik yang benar-benar mengharukan, menunjukkan betapa besarnya hati mereka.

“Mereka tidak benarkan apa yang sudah berlaku jadi penghalang, walaupun ketika bercakap mengenai peristiwa silam. Semuanya dibicara dengan positif,” katanya kepada FMT.

Bekas naib ketua Umno Bahagian Batu Kawan itu berkata, kedua-dua wanita berkenaan turut bertukar hadiah.

“Siti Hasmah memberi Kak Wan salinan memoir beliau, manakala Kak Wan memberi produk susu kambing, baik untuk kesihatan Siti Hasmah.”

Pertemuan pada petang Jumaat itu menamatkan hubungan renggang selama 2 dekad antara Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar adalah orang kanan Dr Mahathir pada 1980-an dan 1990-an, sebelum perbezaan pendapat antara mereka menyaksikan Anwar dipecat sebagai timbalan perdana menteri pada 1998, sebelum disabitkan kesalahan dan dipenjarakan atas tuduhan rasuah serta liwat.

Pemimpin pembangkang, termasuk Dr Wan Azizah sendiri menyifatkan perbicaraan dan sabitan itu bermotifkan politik dan Dr Mahathir menjadi musuh utama pembangkang hampir 2 dekad.

Bagaimanapun, awal tahun ini, Dr Mahathir meletak jawatan dalam Umno yang pernah dipimpinnya lebih 22 tahun dan menjalin hubungan politik dengan ketua umum PKR itu sebagai sebahagian daripada kempennya untuk menggulingkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Malah, lelaki berusia 91 tahun itu turut membuat kejutan pada 5 September lalu dengan kehadirannya di mahkamah bagi menyokong Anwar dalam usaha terakhir mencabar Akta Majlis Keselamatan Negara.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source:

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/05/pertemuan-kak-wan-siti-hasmah-penuh-air-mata-gelak-tawa/>